



MANIFESTO GEOFOOD



Industri makanan merupakan sektor penting bagi perubahan yang diperlukan oleh masyarakat dalam memenuhi keperluan SDG menjelang tahun 2030. Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam menghadapi cabaran semasa dunia yang berhubung kait dengan perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, kekurangan makanan dan peningkatan populasi. Mewakili sekitar 500 Juta, atau 88% daripada 570 juta ladang pertanian seantero dunia, ia hanya dapat menghasilkan sekitar 80% makanan bumi.

Krisis iklim - senario sebenar

Pengeluaran makanan dan pertanian kapas, biofuel, dan produk bukan makanan lain dari pertanian dan perhutanan adalah pemacu degradasi alam sekitar yang paling ketara di negara maju dan membangun. Separuh dari hutan tropika dunia telah dibersihkan, dan kita berterusan kehilangannya sekitar 18 juta hektar per tahun, iaitu kawasan seluas England dan Wales. Kehilangan biodiversiti kini berlaku pada kadar 1,000 kali dari kadar normal, dan populasi spesies utama telah menurun sekitar 60% sejak tahun 1970. Peningkatan bagi permintaan daging dan produk tenusu per kapita telah meningkatkan penggunaan tanah, dan dalam masa yang sama populasi dunia meningkat dari 7.6 bilion hingga 11 bilion dianggarkan pada akhir abad ini, maka hanya ada sedikit ruang untuk mengembangkan bidang pertanian lebih jauh tanpa menjejaskan objektif persekitaran dan iklim yang kritikal.


Kaedah pertanian intensif, termasuk pergantungan pada bahan kimia yang semakin meningkat, adalah menjadi punca utama kehilangan kira-kira 80% serangga di Jerman sejak akhir 1980-an. Trend serupa telah dilaporkan di seluruh dunia.

Aktiviti pertanian, pemprosesan makanan, dan perubahan penggunaan tanah merupakan punca sepertiga pelepasan rumah kaca dunia. Manusia juga menangkap sejumlah besar ikan di lautan secara tidak mampan, dengan sepertiga perikanan komersial diklasifikasikan sebagai terlebih tangkapan ikan. Dalam lebih dari setengah abad, manusia telah menghapuskan 90% populasi ikan pemangsa teratas, seperti tuna, ikan todak, dan ikan jerung. Selain itu, teknik penangkapan ikan yang merosakkan, seperti pukut tunda, menyebabkan kerosakan besar pada ekosistem

pesisir dan laut. Separuh penduduk dunia dijangka mengalami krisis air menjelang tahun 2030, dan dua pertiga penggunaan air tersebut berpunca daripada pertanian. Oleh kerana pengairan merupakan kaedah yang diguna pakai di kawasan yang kekurangan air, sektor pertanian menggunakan hampir 90-95% daripada kaedah tersebut. Akhirnya, sistem makanan tersebut mendorong sekurang-kurangnya tiga perempat pembebasan nitrogen yang menjadi pemangkin pembiakan alga dan penambahan zon mati di ekosistem air tawar dan lautan. Anggaran pembebasan spesis nitrogen reaktif sudah dua kali ganda melebihi tahap maksimum yang mampan, selain kandungan fosforus yang turut sama membimbangkan. Peningkatan kepekatan nutrien di lautan, digabungkan dengan pencemaran air lain dan kenaikan suhu dari perubahan iklim, memberi tekanan tinggi kepada ekosistem marin. Semasa gelombang haba pada tahun 2016-2017, sekitar 90% Terumbu Besar Barrier terjejas, dan separuh karang mati.

Kesatuan Eropah (EU) telah menyusun strategi jangka panjang untuk mencapai sifar pelepasan gas rumah hijau menjelang tahun 2050 ("Green Deal" Suruhanjaya Eropah, 2020). Pengeluaran makanan dan serat yang mencukupi akan menjadi kunci bagi ekonomi Eropah tetapi pada masa yang sama, sektor pertanian dan perhutanan juga diharapkan dapat menyumbang kepada objektif peneutralan karbon pertengahan abad. Permintaan biojisim dijangka meningkat untuk menghasilkan haba, bio bahan api, biogas, bahan binaan, dan produk berasaskan bio yang mampan seperti biokimia. Peningkatan bekalan biojisim dijangka hadir dari pelbagai sumber.

5 Prinsip Makanan dan Pertanian Yang Mampan



- 1) Meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber.
- 2) Tindakan langsung untuk memastikan perlindungan sumber semula jadi.

- 3) Pertanian mesti menambah baik kehidupan luar bandar, ekuiti dan kesejahteraan sosial.
- 4) Meningkatkan daya tahan individu, masyarakat dan ekosistem.
- 5) Mekanisme tadbir urus yang bertanggungjawab dan berkesan diperlukan.

Bagaimana kita mencapai 5 prinsip utama tersebut?

Kaedah menuju kesejahteraan dinyatakan jelas melalui Agenda Pembangunan Mampan 2030. Ia memerlukan tindakan transformatif, menerapkan prinsip-prinsip kemampanan dan menangani punca penyebab kemiskinan dan kelaparan serta tiada golongan yang tercicir daripada inisiatif tersebut.

Diet yang mampan seharusnya menjadi sebahagian daripada strategi komprehensif untuk meningkatkan keselamatan dan nutrisi makanan, memperkasakan kehidupan pengeluar makanan, menyokong pembangunan ekonomi, mengurangkan kesan iklim serta memulihkan ekosistem.

20 tindakan yang saling berhubung kait ini terangkum menerusi visi Agenda 2030 mengenai pembangunan mampan yang memfokuskan penyelesaian makanan dan pertanian, kehidupan masyarakat dan pengurusan sumber semula jadi secara kolektif; masa depan tumpuan tidak hanya pada matlamat akhir, tetapi juga pada kaedah yang digunakan untuk mencapainya; dan pihak awam dan swasta berkerjasama dengan harmoni, membentuk dan berusaha ke arah mencapai penyelesaian pembangunan. Tindakan ini mengintegrasikan tiga dimensi pembangunan mampan dan memerlukan penyertaan serta perkongsian antara pelbagai pihak. Dengan mengenal pasti sinergi, memahami kesimbangan dan menghuraikan insentif, **20 tindakan tersebut** mampu menangani masalah sebenar yang dihadapi oleh negara dalam membina dunia Sifar Kelaparan dan masa depan yang lebih cerah untuk semua.

- 1) Memudahkan akses sumber, kewangan dan perkhidmatan yang produktif.
- 2) Menyambungkan peniaga dan komuniti kecil ke pasaran.
- 3) Menggalakkan kepelbagaian pengeluaran dan pendapatan.
- 4) Membina pengetahuan pengeluar dan mengembangkan kemampuan mereka.
- 5) Meningkatkan nutrisi dan memulihkan tanah.
- 6) Melindungi air dan mengatasi kekurangan.
- 7) Pemeliharaan biodiversiti utama dan melindungi fungsi ekosistem.

- 8) Mengurangkan kerugian, mendorong penggunaan semula dan kitar semula, serta menggalakkan penggunaan yang mampan.
- 9) Memperkasakan individu dan memerangi ketaksamaan.
- 10) Menggalakkan hak pemilikan yang selamat.
- 11) Menggunakan alat perlindungan sosial untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan.
- 12) Meningkatkan nutrisi dan menggalakkan diet seimbang.
- 13) Mencegah dan melindungi daripada renjatan: meningkatkan daya tahan.
- 14) Bersedia dan bertindak balas terhadap krenjatan.
- 15) Menangani dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.
- 16) Memperkukuh daya tahan ekosistem.
- 17) Meningkatkan dialog dan koordinasi polisi.
- 18) Memperkukuh sistem inovasi.
- 19) Menyesuai dan meningkatkan pelaburan serta kewangan.
- 20) Memantapkan persekitaran yang membenarkan dan mereformasi kerangka institusi.

Tugas UGG Ke Arah Makanan dan Pertanian Yang Mampan

UNESCO Global Geopark didefinisikan sebagai: "satu kawasan geografi yang berintegrasi dengan lokasi dan landskap yang mempunyai kepentingan geologi antarabangsa, dikendalikan dengan konsep perlindungan, pendidikan dan pembangunan mampan yang holistik".

Pendekatan dari bawah ke atas untuk menggabungkan pemuliharaan dan pembangunan mampan sambil dengan penglibatan masyarakat tempatan kini menjadi semakin popular.

Geopark menjalankan pelbagai aktiviti dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan budaya, pelancongan, pendidikan dan pembangunan mampan dan pengalaman makanan tempatan. Walaupun Geopark adalah wilayah yang khusus dengan bercirikan oleh ukuran kawasan, ekonomi tempatan, latar belakang sosial, budaya dan landskap yang berbeza, hubungan dengan "makanan" adalah cukup sinonim dalam aktiviti geopark di seluruh dunia. Sebenarnya, kemampanan makanan tempatan,

pemeriksaan aktiviti pertanian dan pengeluaran tempatan, hubungan antara sumber semula jadi dan pelancongan adalah tema umum dalam UNESCO Global Geoparks. UNESCO Global Geopark adalah sebahagian daripada Agenda 2030 dan sangat komited terhadap Sustainable Development Goals (SDG) untuk memupuk perlindungan bumi dan sumber semula jadinya, untuk mencapai masa depan yang lebih baik untuk semua. Intipati Geopark, dalam perjanjian dengan SGD 12, adalah untuk "membangun dan melaksanakan alat-alat untuk memantau impak pembangunan mampan untuk pelancongan lestari yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya serta produk tempatan". UNESCO Global Geopark bertindak sebagai inkubator untuk amalan terbaik dan penyelesaian inovatif bagi memperkasakan komuniti setempat dan merangsang pelaburan untuk meningkatkan amalan pertanian, menghargai sistem makanan, menyokong PKS, meningkatkan peluang pekerjaan dan keadaan pekerjaan yang lebih baik. Wilayah-wilayah ini bekerja dalam kerjasama antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah yang erat, mempromosikan perkongsian dan jaringan.

GEOfood dapat memberi sumbangan khusus untuk menghadapi cabaran berikut:

- Mengakhiri kemiskinan luar bandar, langkah kritikal untuk memastikan keselamatan makanan (SGD 1)
- Makanan harus selamat, mencukupi dan berpatutan untuk semua (SGD 2)
- Kesihatan yang baik bermula dengan pemakanan yang seimbang (SGD 3)
- Makanan berkhasiat sangat penting untuk belajar (SGD 4)
- Kesaksamaan jantina dapat meningkatkan produktiviti pertanian sebanyak 20 peratus (SGD 5)
- Pertanian mampan berpotensi mengatasi kekurangan air (SGD 6)
- Sistem makanan mesti mengatasi kebergantungannya pada bahan bakar fosil (SGD 7)
- Pertumbuhan pengeluaran makanan di ekonomi berpendapatan rendah dapat membasmi separuh kemiskinan (SGD 8)
- Inovasi membuka pasaran baru untuk pekebun kecil (SGD 9)
- Perubahan guna tanah dapat memberikan akses kepada tanah luar bandar (SGD 10)

- Pelaburan luar bandar dapat menghalang urbanisasi yang tidak terkawal (SGD 11)
- Mencapai keselamatan makanan melibatkan pengurangan sampah (SGD 12)
- Pertanian adalah kunci dalam tindak balas dengan perubahan iklim (SGD 13)
- Ikan memberi 3 bilion manusia 20% protein haiwan setiap hari (SGD 14)
- Hutan mengandungi lebih daripada 80% kepelbagaian biologi daratan dunia (SGD 15)
- Mengakhiri kelaparan dapat menyumbang kepada keamanan dan kestabilan (SGD 16)
- Perkongsian membantu mengetengahkan pendapat (SGD 17)

Visi GEOfood

Di sebalik label GEOfood terdapat falsafah yang jelas: sokongan kepada komuniti setempat, pendekatan bawah-atas yang holistik menjadi ciri UNESCO Global Geoparks yang juga merupakan teras jenama GEOfood.

Jenama GEOfood mempunyai laluan dalam Geopark Global UNESCO dan hanya boleh digunakan di kawasan yang ditetapkan UNESCO.

GEOfood disasarkan untuk digunakan sekurang-kurangnya 30% dari Geopark Global UNESCO di Eropah pada akhir 2023, dan 10% Geopark di seluruh dunia menjelang 2025.

Misi GEOfood

Misi GEOfood adalah untuk menyokong pembangunan komuniti tempatan yang berterusan, meningkatkan tindakan ke arah pencapaian UNSDGs.

GEOfood menyasarkan untuk beroperasi dalam nilai dan pendekatan bawah-atas UNESCO Global Geoparks.

Sasaran GEOfood

GEOfood bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pihak berkepentingan tempatan dan identiti Geopark.

Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai hubungan antara makanan mentah dan geowarisan khas tempatan: konsep GEOfood merupakan satu label yang semakin berkembang dan penjelasan khusus kepada para ahli geopark untuk menekankan ciri-ciri eksklusif warisan geologi mereka dengan makanan tempatan dan tradisi budaya.

GEOfood merupakan kaedah inovatif untuk menghubungkan semua sasaran populasi dalam satu wilayah, maka makanan adalah bahasa antarabangsa yang dapat difahami oleh sesiapa sahaja. Justeru, sebenarnya, melalui makanan kita dapat menghubungkan manusia dengan tanah, alam semula jadi dan memperkukuh pendidikan makanan ke arah sifar sisa makanan dan penggunaan sumber yang dengan penuh rasa kebertanggungjawaban.

Jenama GEOfood bertujuan untuk mewujudkan rangkaian rakan kongsi dalam UNESCO Global Geopark di bawah misi kolektif bagi mempengaruhi dasar tempatan, negeri, negara ke arah sistem makanan inovatif dan perancangan wilayah yang dapat memperkukuhkan hubungan bandar dengan luar bandar.

Kami percaya bahawa wilayah UGG memainkan peranan penting untuk menghubungkan jaringan luar bandar dengan bandar, bekerjasama dengan penduduk dan komuniti: GEOfood akan menyokong wilayah tersebut untuk memperkuat hubungan, memberikan mereka alat untuk memperkuat ekonomi tempatan.

Tindakan GEOfood

✓ Bersama-sama kita menyokong pembangunan mampan: jenama GEOfood hanya boleh digunakan oleh syarikat yang dapat membuktikan standard persekitaran tertentu, iaitu:

- Tidak menggunakan racun perosak atau sumber racun lain.
- Menonjolkan biodiversiti dan peningkatan kualiti tanah melalui penerapan amalan pertanian yang bertanggungjawab dan mampan.

- Mewujudkan persekitaran dan makanan yang sihat, terutamanya dalam melaksanakan amalan pengurusan perosak dan rumpai yang tidak berbahaya dari sudut kimia dan farmaseutikal.

- Penggunaan sumber air secara optimum
- Sistem kitar semula sisa yang berkesan
- Menanam produk bermusim
- Menghormati hak pekerja sepanjang proses pengeluaran.

✓ Bersama-sama kita berusaha untuk menyokong pengeluar, petani, pengusaha Geopark untuk memelihara tradisi dan meningkatkan ekonomi tempatan.

- Perusahaan tempatan kecil dan sederhana yang diperakui oleh GEOfood
- Geopark menyokong perusahaan tempatan: menawarkan mereka peluang untuk promosi, menggunakan perkhidmatan mereka (katering atau lokasi) bagi tujuan acara atau persidangan.

✓ Bersama-sama kita menyokong penggunaan makanan tempatan:

- Produk GEOfood berasal dari bahan mentah tempatan.
- Kita berhasrat untuk meningkatkan penggunaan makanan km sifar dalam penggunaan harian, baik di sektor swasta dan mahupun awam.
- Promosi makanan km sifar sebagai GEOfood di restoran dan hotel, di setiap rumah dalam zon Geopark dan perkhidmatan awam seperti kantin, sekolah atau pejabat.

✓ Bersama-sama kita mencari peluang projek baru untuk menyokong komuniti dalam Jaringan Geopark Eropah dan Rangkaian Geopark Global, mengembangkan projek pendidikan baru yang memfokuskan kepada sisa makanan ekonomi tempatan, ekonomi sekeliling, makanan km sifar, pertanian, pembangunan dan pelancongan yang mampan.